



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

03-8870 4426
ukk@dof.gov.my
<http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (17)

SIARAN MEDIA

25 TAHUN PERKONGSIAN STRATEGIK WORLD FISH – JABATAN PERIKANAN MALAYSIA: MELAKAR MASA DEPAN MAKANAN AKUATIK YANG LESTARI

Jabatan Perikanan Malaysia dan WorldFish hari ini meraikan ulang tahun ke-25 kerjasama strategik yang telah terjalin sejak tahun 2000, yang dimulakan dengan penubuhan ibu pejabat WorldFish di Pulau Pinang. Perkongsian ini mencerminkan komitmen jangka panjang kedua-dua pihak dalam memperkukuh sistem makanan akuatik yang mampan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Sepanjang dua dekad setengah, WorldFish telah memainkan peranan penting sebagai rakan strategik kepada Jabatan Perikanan Malaysia dalam memajukan sektor perikanan dan akuakultur negara. Kerjasama ini telah meningkatkan keupayaan teknikal, merangsang inovasi, serta mengangkat profil Malaysia sebagai peneraju global dalam sektor makanan akuatik.

Antara kejayaan utama hasil kerjasama ini ialah Projek *Genetically Improved Farmed Tilapia* (GIFT), yang telah meletakkan Malaysia sebagai hab global bagi strain GIFT. Inisiatif ini telah meningkatkan daya tahan dan produktiviti ikan tilapia, sekaligus menyumbang kepada keselamatan makanan negara dan menyokong Matlamat Pembangunan Mampan 2 : Sifar Kelaparan.

Sektor makanan akuatik Malaysia terus berkembang pesat dengan sumbangan signifikan kepada ekonomi dan keselamatan makanan negara. Pada tahun 2024, **hasil perikanan laut mencecah 1.42 juta tan metrik, akuakultur menghasilkan 510,315 tan metrik**, manakala **perikanan darat mencatatkan 7,497 tan metrik**. Sektor ini disokong oleh **112,344 nelayan laut, 20,557 penternak akuakultur dan 9,565 nelayan darat**.

Industri perikanan menyumbang sebanyak 0.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan jumlah pengeluaran keseluruhan sebanyak 1.94 juta tan metrik bernilai RM17.9 bilion. Purata penggunaan ikan per kapita rakyat Malaysia ialah 44.7 kilogram setahun, jauh melebihi purata global sebanyak 19 kilogram. Kadar Sara Diri (SSR) negara bagi ikan adalah tinggi pada 90.7% pada tahun 2024, menjadikan ikan sebagai sumber utama protein haiwan dalam diet rakyat Malaysia.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION
myDOF
Peneraju Perikanan

Jabatan Perikanan Malaysia turut memberi penekanan kepada kelestarian alam sekitar melalui pengurusan kawasan marin yang efektif. Usaha pemuliharaan yang dijalankan di Taman Laut Malaysia telah menyumbang kepada nilai ekonomi tahunan dianggarkan berjumlah RM8.7 bilion, mencerminkan kepentingan pemuliharaan biodiversiti marin dari sudut persekitaran dan ekonomi.

Melangkah ke hadapan, Jabatan Perikanan Malaysia komited untuk memperkukuh kerjasama strategik bersama WorldFish melalui penerapan teknologi baharu, pembangunan *strain* ikan yang lebih berdaya tahan, pemeraksanaan komuniti perikanan serta pengusaha berskala kecil dan perluasan amalan akuakultur mampan yang selari dengan dasar serta amalan terbaik antarabangsa.

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1qG2q_N2NNiE3BBFEVstUgJcsDZTNQsv

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my

3 Jun 2025